

PENUTUP

PENUTUP

Syukur alhamdulillah penulis panjatkan ke Hadirat Allah SWT yang telah mengajarkan kepada manusia apa-apa yang tidak diketahui sebelumnya. Salawat dan Salam semoga dicurahkan kepada Baginda Nabi Muhammad SAW yang telah menuntun kita melalui wahyu yang diterimanya menuju jalan yang benar dan lurus sesuai petunjuk dan ajaran suci yang dibawanya.

Dengan mengucapkan *Alḥamdu Lillāhi Rabbil'ālamīn*, rangkaian penulisan tesis ini penulis tutup dengan kesimpulan dan saranan sepertimana yang berikut :

A. Kesimpulan

Sebagai natijah daripada seluruh rangkaian penyelidikan dalam tesis, berikut ini penulis paparkan kesimpulan-kesimpulannya:

- Terdapat perbezaan sangat mendasar antara mazhab Mutakallimīn dengan Aḥnāf dalam proses pembinaan kaedah-kaedah usul fiqh untuk kepentingan pentafsiran naṣ serta penggalan hukum-hakam daripada sumber-sumber asasinya. Mazhab Mutakallimīn cenderung menggunakan pendekatan induktif dengan membina kaedah-kaedah usul fiqh secara khusus terlebih dahulu, kemudiannya dilanjutkan dengan aktiviti penggalan hukum dengan menggunakan kaedah-kaedah usul yang telah-pun dibina secara tetap dan tersendiri. Manakala mazhab Aḥnāf menggunakan pendekatan sebaliknya, iaitu melakukan aktiviti penggalan hukum-hakam terlebih dahulu, kemudiannya daripada hasil aktiviti tersebut dirumuskan kaedah-kaedah usul fiqh yang standard dan tetap.

- Terdapat aspek persamaan sekaligus juga perbezaan antara kedua-dua mazhab dalam hal penyusunan kitab-kitab usul fiqh sebagai sarana pentafsiran naş. Segi persamaannya dapat dilihat, misalnya, bahawa sebahagian daripada beberapa kitab kedua-dua mazhab memasukkan pembahasan ilmu *kalām* dalam bab pendahuluan serta meletakkan pembahasan tentang *ijtihād* dan *fatwā* di bahagian akhir pembahasan dalam kitab. Sedangkan aspek perbedaannya dapat kita lihat, misalnya, bahawa dalam kitab mazhab Mutakallimīn topik-topik utama dibentangkan secara global, sebelum diklasifikasi lebih jauh lagi menjadi sub-sub bahagian lebih kecil. Manakala dalam mazhab Aḥnāf topik-topik utama dalam kitab langsung dibentangkan secara terperinci tanpa dimasukkan (disubordinasi) kepada topik yang lebih besar.
- Terdapat perbezaan antara kedua-dua mazhab tentang pembahagian lafaz-lafaz dalam naş al-Qur'ān dan al-Ḥadīth ditinjau dari segi kekuatan penunjuknya pada makna. Ditinjau dari segi kejelasan penunjuk lafaz pada makna, mazhab Mutakallimīn membahagi lafaz-lafaz pada dua bahagian: 1) *al-zāhir* dan 2) *al-naş*, manakala mazhab Aḥnāf membahagi menjadi empat bahagian, iaitu: 1) *al-zāhir*, 2) *al-naş*, 3) *al-mufassar* dan 4) *al-muḥkam*. Sedangkan ditinjau dari segi kesamaran penunjuk lafaz pada makna, mazhab Mutakallimīn membahagi lafaz-lafaz menjadi dua bahagian, iaitu: 1) *al-mujmal* dan 2) *al-mutasyābih*, manakala mazhab Aḥnāf membahagi menjadi empat bahagian, iaitu: 1) *al-khafī*, 2) *al-musykil*, 3) *al-mujmal* dan 4) *al-mutasyābih*.

- Terdapat perbezaan antara kedua-dua mazhab tentang pembahagian lafaz-lafaz dalam naş al-Qur'ān dan al-Ḥadīth ditinjau dari segi penunjuknya pada hukum. Mazhab Mutakallimīn membahagi kepada dua bahagian, iaitu: 1) *al-manṭūq* dan 2) *al-mafhūm*, manakala mazhab Aḥnāf membahagi kepada empat bahagian, iaitu: 1) *'ibārah al-naş*, 2) *isyārah al-naş*, 3) *dalālah al-naş* dan 4) *dalālah al-iqtidā'*.
- Terdapat perbezaan pemikiran anantara kedua-dua mazhab berkenaan dengan autoriti *'mafhūm mukhālafah*. Mazhab Mutakallimīn menganggap *mafhūm mukhālafah* sebagai dalil penetapan hukum *syara'* serta wajib hukumnya menggunakan dalil tersebut, manakala mazhab Aḥnāf berpendapat sebaliknya.
- Terdapat perbezaan pemikiran antara kedua-dua mazhab tentang indikasi hukum lafaz *'ām* dalam naş al-Qur'ān dan al-Ḥadīth. Menurut mazhab Mutakallimīn, indikasi hukum lafaz *'ām* terhadap komponen-komponennya bersifat *ẓannī*, memandangkan sebahagian kandungan lafaz *'ām* itu masih boleh dikhususkan. Sebaliknya, menurut mazhab Aḥnāf indikasi hukum lafaz *'ām* adalah *qaṭ'ī* selagi tidak ada pengkhususan terhadap sebahagian komponen-komponennya.
- Secara amnya terdapat perbezaan pemikiran antara kedua-dua mazhab jika ada pertentangan antara lafaz *muṭlaq* dan lafaz *muqayyad* dalam naş al-Qur'ān dan al-Ḥadīth. Menurut mazhab Mutakallimīn, kemutlakan lafaz yang *muṭlaq* mesti dibatasi kandungannya oleh lafaz yang *muqayyad*, manakala menurut

mazhab Aḥnāf kedua-dua lafaz *muḥlaq* dan *muqayyad* digunakan secara apa adanya mengikut kandungan hukum masing-masing.

- Terdapat perbezaan pandangan antara kedua-dua mazhab tentang penggunaan naṣ ḥadīth *āḥād*, sama ada ketika naṣ ḥadīth tersebut bertentangan dengan *qiyās* ataupun ketika dalam keadaan sukar mengelak. Ketika berlaku pertentangan antara naṣ ḥadīth *āḥād* dengan *qiyās*, mazhab Mutakallimīn mendahulukan penggunaan ḥadīth *āḥād* manakala mazhab Aḥnāf mendahulukan penggunaan *qiyās*. Begitu pula dalam keadaan terdesak dan sukar mengelak, mazhab Mutakallimīn dapat menerima ḥadīth *āḥād* sebagai dalil manakala mazhab Aḥnāf tidak dapat menerimanya.
- Terdapat perbezaan pandangan pula antara kedua-dua mazhab berkenaan dengan autoriti naṣ ḥadīth *mursal* sebagai dalil. Mazhab Mutakallimīn tidak dapat menerima kewujudan naṣ ḥadīth *mursal* sebagai dalil kecuali ada syarat-syarat tertentu. Manakala mazhab Aḥnāf berpendirian sebaliknya, iaitu dapat menerima kehadiran naṣ ḥadīth *mursal* sebagai dalil.

B. Saranan

Sehubungan dengan selesainya seluruh rangkaian penyelidikan serta penulisan tesis ini, ada beberapa hal yang kiranya perlu penulis sarankan kepada para pembaca dan pengkaji berikutnya, iaitu:

1. Apa yang ditulis dalam tesis ini merupakan hasil penyelidikan kepustakaan dengan kelebihan dan kekurangan yang dimiliki. Sebagai hasil kajian akademik tentunya tesis ini tidak memiliki nilai kebenaran mutlak.

Sebaliknya, apa yang boleh dicapai dalam tesis ini adalah bersifat nisbi dan relatif. Oleh itu, kritikan daripada para pembaca sangatlah dialu-alukan demi pengembangan wacana keilmuan lebih lanjut, khususnya yang berhubung-kait dengan pentafsiran naş dalam disiplin ilmu usul fiqh.

2. Kajian tentang metodologi pemikiran usul fiqh perlu digalakkan lebih lanjut dari berbagai-bagai aspeknya. Ini memandangkan ia mengandungi kaedah-kaedah ataupun rumusan-rumusan usul fiqh yang amat diperlukan bagi pengembangan hukum islam (fiqh), khususnya yang berhubung-kait dengan pentafsiran naş serta penggalian hukum-hakam (*istinbāt al-aḥkām*) daripada sumber-sumber aslinya.
3. Kajian tentang metode pentafsiran naş serta penggalian hukum-hakam dari pelbagai mazhab perlu pula terus dikembangkan serta dioptimalkan penggunaannya. Ini memandangkan sumber-sumber primer ajaran Islam tidak turun lagi setelah wafatnya Nabi SAW. Sementara di pihak lain, peristiwa-peristiwa hukum terus akan muncul seiring perkembangan masa. Dengan mengembangkan metode *aqliyah* yang standar serta aplikasinya dalam kehidupan nyata, hukum Islam (fiqh) diharapkan terus dapat berkembang dengan suburnya sesuai perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi.